

LAMAN WEB TAK BERHENTI LOADING

PUNCA PELANGGAN TIDAK MEMBELI

Disediakan oleh: (Zubli Quzaimi Zubli)

Bayangkan anda sedang bercuti bersama keluarga di Batu Pahat dan ingin mencari kedai makan yang sedap di kawasan sekitar hotel. Jadi anda pun segera keluarkan telefon bimbit dan mula cari kedai makan sedap yang berdekatan.

Apabila anda klik pada salah satu hasil carian tersebut, anda terpaksa menunggu sehingga 3 ke 5 minit untuk laman web tersebut selesai loading. Berbekalkan perut yang lapar, ahli keluarga yang sudah tidak sabar dan keazaman yang tinggi, anda pun teruskan menunggu sehingga akhirnya laman web tersebut mengeluarkan kandungan.

Anda sedikit kecewa apabila kandungan tersebut menggunakan tulisan yang terlampau kecil hingga sukar untuk dibaca dan gambar pula terpotong separuh. Lalu anda pun keluar dari laman web tersebut dan meneruskan pencarian anda di laman web yang lain.

Inilah sebabnya kenapa **on-page optimization** atau **pengoptimuman dalam halaman** sangat penting kerana ia merangkumi pelbagai aspek yang boleh dikawal dan ditambah baik di laman web anda untuk memastikan kandungan bukan sahaja dijumpai oleh enjin carian tetapi juga disukai oleh pengunjung.

KENAPA ANDA PERLUKAN "ON-PAGE OPTIMIZATION"?

Terlebih dahulu, on-page optimization merujuk kepada usaha yang boleh diambil untuk mengoptimumkan elemen dalam laman web anda bagi meningkatkan prestasi dalam carian. Usaha ini sangat penting kerana menurut laporan daripada aioseo.com, hasil **carian organik menyumbang kepada hampir 94% daripada semua klik dalam carian**. Oleh itu, laman web yang optimum mampu meningkatkan peluang untuk laman web anda tersenarai di dalam peratusan tersebut.

TIPS UNTUK LAMAN WEB YANG MESRA PENGGUNA

- Laman web perlu responsif dan berfungsi dengan baik di komputer dan telefon bimbit. (Majoriti trafik kini datang daripada telefon bimbit)
- Pautkan video daripada YouTube supaya proses loading lebih ringan dan pengalaman pengguna lebih lancar
- Susun kandungan agar mudah dibaca, menggunakan tajuk kecil seperti H2 & H3 serta gunakan pautan untuk navigasi.

KATA KUNCI TEPAT LAMAN WEB HEBAT

Pengunjung dapat jumpa laman web anda dengan lebih mudah sekiranya anda menggunakan kata kunci yang tepat.

Bagi mendapatkan kata kunci yang tepat, anda perlu melakukan kajian untuk mengenal pasti frasa yang sering dicari oleh pengunjung dan bukan sekadar meneka.

Selepas mengumpul beberapa kata kunci, anda perlu:

1. Menggunakan kata kunci tersebut di dalam tajuk halaman, perenggan awal dan alt text gambar.

2. Elakkan daripada memasukkan kata kunci secara berlebihan.

3. Kaitkan kata kunci dengan niat pengunjung agar kandungan anda memenuhi apa yang pengunjung ingin tahu atau lakukan.

PEMANTAUAN BERTERUSAN DAN KEMAS KINI SECARA BERKALA

Mengoptimumkan laman web bukanlah usaha yang boleh dilakukan sekali dan dibiarkan sahaja.

Anda perlu memantau dan menyelenggara laman web anda agar ia terus relevan dan mampu bersaing.

Secara berkala dari semasa ke semasa, anda perlu:

- Kenal pasti halaman mana yang mengambil masa yang lama dan kurang trafik untuk ditambah baik.
- Semak data aktiviti di laman web seperti kadar keluar dan masa di laman untuk menentukan kepuasan pengunjung.
- Kemas kini kandungan dengan maklumat baru, gunakan kata kunci terkini dan perbaiki struktur laman.

JOM, KITA MULA DARI SEKARANG!

On-page optimization adalah asas setiap laman web yang ingin kekal relevan dan berdaya saing di dalam dunia digital. Halaman yang dioptimumkan dari segi kata kunci, struktur laman web dan pengalaman pengguna yang baik dapat membantu enjin carian untuk "jumpa" anda dan seterusnya membuatkan pengunjung ingin kekal lama di laman web anda. Gunakan checklist di bawah untuk semak laman web anda.

- ☑ Tajuk anda jelas dan menarik perhatian?
- ☑ Kandungan anda keluar dengan pantas?
- ☑ Kandungan mesra pengguna dan mesra telefon bimbit?
- ☑ Kata kunci mudah dijumpai enjin carian?

SUMBER RUJUKAN

Jhean, G. (2024, February 14). 81 SEO Statistics for 2024 (Current & Verified ✅). Aioseo.com. https://aioseo.com/seo-statistics/